

# PM perlihat komitmen pastikan Malaysia ‘mengaum’ semula

**Kuala Lumpur:** Tempoh 100 hari bukan satu masa yang begitu panjang, namun cukup untuk memperlihatkan komitmen dan ketegasan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam memastikan Malaysia kembali ‘mengaum’ sebagai Harimau Asia menerusi gagasan Malaysia MADANI diperkenalkannya.

Langkah ke arah menguatkan ekonomi negara disusun dan diwalkan dengan pembentukan barisan kerajaan berpaksikan integriti dan akauntabiliti, konsisten dengan ‘perang’ terhadap rasuah yang dilancar beliau sebagai Perdana Menteri ke-10 pada 24 November lalu.

Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof Madya Datuk Dr Shamrahayu Ab Aziz, berkata penekanan kepada isu itu dalam kerangka kerajaan adalah penting dan ini yang sentiasa ditekankan perdana menteri sepanjang tempoh yang singkat ini.

“Walaupun ada kemungkinan mereka yang cakap lambat dari

segi implementasi, contohnya pengenalan program atau inisiatif baharu untuk rakyat, tetapi strategi perdana menteri dalam konteks ini penting, sebab beliau memerlukan kerangka kerajaan yang faham terlebih dahulu dengan aspirasi yang cuba dicapainya,” katanya.

Dalam pendekatannya ke arah barisan Kabinet yang lebih bersepakat, Anwar turut memperkenalkan Permukiman Menteri-Menteri Kerajaan Perpaduan yang diisi dengan sesi taklimat khas mencakupi aspek penting ke arah pematapan penyampaian perkhidmatan dan penguatkuasaan tata kelola kerajaan.

Juga ke arah agenda islah dan reformasi dalam pentadbiran kerajaan, Anwar yang juga Menteri Kewangan, turut mengemukakan bahawa di bawah urus tadbir pentadbiran kerajaan baharu tidak boleh lagi berlaku ke-

lulusan perolehan tanpa tender.

Ahli Parlimen Tambun itu turut memperkenalkan hala tuju Kerajaan Perpaduan, iaitu Malaysia MADANI sebagai usaha mengemudi serta mengangkat semula martabat dan kegemilangan negara di perisai dunia.

Penganalisis politik, Prof Dr Sivamurugan Pandian, berkata perwatakan tegas Anwar turut ditonjolkan daripada tindakan dan keputusannya yang mengesetipikan agenda bersifat populis, walaupun

ia sebenarnya boleh membantu memberi rating penerimaan rakyat yang lebih baik terhadapnya.

Pensyarah Sosiologi Politik, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia itu berkata, Anwar sebaliknya mengutamakan usaha

‘meluruskan’ kembali pelbagai sektor dalam negara untuk meningkatkan ekonomi negara, supaya impaknya dapat dirasakan rakyat secara menyeluruh.

“Jika beliau mahu menjadi seorang populis, beliau boleh sahaja membenarkan pengeluaran KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja), atau mengotakan janji-janji ketika menjadi pembangkang sebelum ini seperti dibangkitkan ramai pihak seperti harga petrol atau terbaharu soal menaikkan gaji penjawat awam.

“Barangkali 100 hari ini lebih kepada fasa pengubahsuaian, bagaimana nak menstabilkan ekonomi dan juga kerajaan yang tertubuh dari pelbagai parti. Tambahan, beliau hadir ketika negara berdepan krisis politik yang tidak menentu, ekonomi gawat dan sektor kesihatan yang memerlukan pemerhatian,” katanya.

Perdana Menteri turut menubuhkan Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 bagi menyelesaikan isu

tertanggung berkaitan perjanjian itu dan memberi jaminan setiap perjanjian yang dimeterai bersama Sabah dan Sarawak termasuk MA63 harus ditepati serta ditunaikan.

Dalam hal ini penganalisis politik Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi, berkata ia memberi signal yang baik menunjukkan bahawa Anwar seorang yang ‘walk the talk’ (melakukan apa yang dikatakan) dan dibuktikan beliau dalam masa yang singkat 100 hari ini.

“Beliau seorang yang jelas dengan pendiriannya dan beliau akan laksana dalam tempoh pentadbirannya, cuma soalnya sekarang hanya berapa lama tempoh implementasi yang akan diambil.

“Komitmennya kita dapat lihat. Dalam tempoh ini (100 hari) mungkin masih lagi masa untuk merancang, merangka, mengenal pasti, mencari penyelesaian terbaik dan tidak buat sesuatu yang hanya bersifat populis,” katanya. BERNAMA



Shamrahayu Ab Aziz